

Newspaper	Berita Harian
Date	18/5/2011

Misi ke Gaza tetap diterus: PM

Najib kutuk kezaliman Tel Aviv usir kapal kargo bawa bantuan dari Malaysia

Dari London
Kadir Dikoh
kadiro@bharian.com.my



MALAYSIA tidak akan menghentikan operasi bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin meskipun berdepan banyak halangan dan rintangan dari rejim Tel Aviv, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yang mengutuk tindakan tentera laut Israel mengusir kapal kargo *The Sprit of Rachel Corrie* yang membawa bantuan dari Malaysia untuk rakyat Palestin, berkata tindakan itu jelas menun-

jukan kezaliman Tel Aviv masih berterusan.

"Sepatutnya bantuan kemanusiaan yang tidak bersenjata dan orang awam, tidak boleh ditembak walaupun secara amaran. Tetapi, dengan khabar, ada satu laporan me-

"Kita akan terus bantu rakyat Palestin dan meskipun banyak rintangan, rakyat Malaysia begitu gigih dan bersemangat membantu Palestin"

Najib Razak
Perdana Menteri

nyatakan ia (tembak amaran) hampir kena seorang rakyat Malaysia atas kapal itu.

"Ini menunjukkan mereka akan melakukan apa saja untuk terus menekan rakyat Palestin, sebab mereka tidak mahu bantuan sampai kepada rakyat Palestin. Saya berasa amat dukacita dengan perbuatan yang begitu angkuh dan tidak perikemanusiaan oleh rejim Tel Aviv.

"Kita akan terus membantu rakyat Palestin dan meskipun banyak rintangan, rakyat Malaysia begitu gigih dan bersemangat membantu rakyat Palestin yang hidup amat tertekan," katanya.

Kapal yang membawa bantuan untuk rakyat Palestin di Gaza itu dihalang dua bot tentera laut Israel

yang melepaskan tembakan amaran di perairan berhampiran Rafah, awal pagi kelmarin waktu Malaysia.

Ia membawa paip PVC sepanjang 7.5 kilometer untuk membantu memulihkan sistem pembetungan yang musnah di Gaza. Seramai 12 orang terbabit dalam misi bantuan itu termasuk tujuh rakyat Malaysia, manakala yang lain warga asing iaitu dua krew warga India dan tiga aktivis kemanusiaan dari Ireland dan Kanada.

Ini kali kedua kapal misi bantuan milik Malaysia dihalang. Tahun lalu, kapal misi bantuan, *MV Mavi Marmara* yang dalam perjalanan menghantar bantuan kemanusiaan turut diserang di perairan Gaza.



KAPAL The Sprit Of Rachel Corrie menunggu giliran memasuki Pelabuhan Al Arish untuk menghantar bantuan kemanusiaan anjuran PGPF ke Palestin.